

Timbul selepas satu hari

Mayat lelaki terjun dari feri akhirnya ditemui



Mayat lelaki berkenaan yang ditemui terapung di laut semalam.

■ SITI NADIAH AHMAD ZAMLUS

GEORGETOWN - Mayat lelaki yang dipercayai terjun dari feri kelmarin ditemui semula selepas satu hari.

Ketua Polis Daerah Timur Laut, Asisten Komisioner Mior Faridalathrash Wahid berkata, mayat yang dikenali sebagai Tan Sik Lee itu ditemui semalam pada jam kira-kira 12.35 tengah hari.

Jelasnya, ia dimaklumkan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim) kepada anggota polis di Lebuh Pantai.

"Mereka turut memaklumkan mayat mangsa telah ditemui terapung di laut pada jarak lebih kurang 200 meter dari tempat kejadian.

"Mayat telah diambil oleh anggota penyelamat dari Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) dan telah dibawa ke Penang

Port," katanya.

Mayat lelaki berusia 43 tahun dari Bukit Mertajam itu telah pun dibawa ke hospital untuk bedah siasat.

Semalam Sinar Harian melaporkan seorang lelaki dikhuatiri lemas selepas terjatuh ke dalam laut dari tingkat atas sebuah feri yang hendak berlepas dari terminal Feri Raja Tun Uda.

Pada awalnya, dua pekerja sebuah syarikat kawalan keselamatan yang berada di bahagian tepi feri di tingkat bawah ternampak lelaki terjatuh ke laut jam 11.25 pagi kelmarin.

Mereka kemudian memberitahu kejadian itu kepada kru feri yang memaklumkan kepada kapten feri yang kemudian mematikan enjin feri untuk membuat pemeriksaan.

Kemudiannya, kru feri menemui sepasang selipar dipercayai milik lelaki itu di tingkat atas feri.